

Headline	Jejantas rimba		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	27 Oct 2021	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	107,609
Page No	13	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	226 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,277
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,831



Jejantas rimba

SELEPAS ditutup ekoran penularan pandemik Covid-19, Jejantas Rimba FRIM di Taman Botani Kepong kini dibuka untuk pengunjung yang mahu melihat pemandangan ibu negara.

Jejantas Rimba setinggi 141 meter dari aras laut itu mula dibina pada Disember 2018 dan pengunjung juga boleh menikmati panorama indah hutan.

Struktur yang dibina menggunakan perancah aluminium, tiub keluli dan kabel besi penampung itu terdiri daripada 11 buah menara dan lapan jambatan yang menghubungkan antara satunya.

■ SEORANG pengunjung melihat pemandangan Kuala Lumpur sambil dikelilingi kehijauan hutan dari puncak tertinggi menara di Jejantas Rimba FRIM di Taman Botani Kepong. - UTUSAN/ MUHAMAD IQBAL ROSLI

